



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 05 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Belanjawan 2025: KPWKM Cadang Bantuan Kepada Ibu Tunggal Tuntut Nafkah Di Mahkamah https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-bantuan-kepada-ibu-tunggal-tuntut-nafkah-di-mahkamah-486416 https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/04/budget-2025-proposal-to-aid-single-mothers-seeking-alimony-in-court-submitted-says-nancy https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/12/93943/dana-untuk-sistem-penjagaan-komprehensif-wanita-bercerai-fokus-bajet https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1130373/kpwkm-cadang-bantuan-ibu-tunggal-tuntut-nafkah-dalam-belanjawan-2025 https://themalaysianreserve.com/2024/09/04/kpwkm-prioritises-welfare-programmes-in-budget-2025-wishlist/#google_vignette https://www.theborneopost.com/2024/09/04/budget-2025-ministry-to-propose-aid-for-single-mothers-seeking-alimony-in-court/?utm_source=Newswav&utm_medium=Website https://headtopics.com/my/budget-2025-kpwkm-proposes-aid-for-single-mothers-seeking-58439394	Astro Awani The Star Berita Harian Harian Metro The Malaysian Reserve The Borneo Post Head Topics	Neutral

	https://www.malaysiakini.com/news/718052 https://selangorjournal.my/2024/09/budget-2025-kpwkm-proposes-aid-for-single-mothers-seeking-alimony-in-court/ https://www.youtube.com/watch?v=zs-jrW8DCRY https://www.youtube.com/watch?v=y5B3GMdwHT4	Malaysia Kini Selangor Journal Berita RTM Bernama TV	
2.	Bersama Jaga Keselamatan Golongan Rentan: Nancy https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/04/bersama-jaga-keselamatan-golongan-rentan-nancy https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2336757 https://thesun.my/local-news/kpwkm-wants-communities-to-be-its-eyes-ears-to-safeguard-welfare-of-vulnerable-groups-MM12961937 https://www.malaysiakini.com/news/718061	Utusan Borneo Bernama The Sun Malaysia Kini	Neutral
3.	K'jaan Terus Galak Wanita Ceburi Sukan Walau Ada Kekangan Di T'ganu https://www.malaysiakini.com/sukan/718050 https://www.malaysiakini.com/news/718043 https://www.youtube.com/watch?v=Lv9GGQ_qghw	Malaysia Kini Malaysia Kini KiniTV	Neutral
4.	Di Manakah Ibuku? https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1130368/di-manakah-ibuku https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1101307/welfare-dept-seeking-mum-who-abandoned-her-sick-baby https://vanakkammalaysia.com.my/%E0%AE%9C%E0%AF%8B%E0%AE%95%E0%AF%82%E0%AE%B0%E0%AF%8D-%E0%AE%AA%E0%AE%BE%E0%AE%B0%E0%AF%81%E0%AE%B5%E0%AE%BF%E0%AE%B2%E0%AF%8D-	Harian Metro NST Vanakkam Malaysia	Neutral

	%E0%AE%AA%E0%AE%9A%E0%AF%8D%E0%AE%9A%E0%AE%BF%E0%AE%B3%E0%AE%AE%E0%AF%8D/https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-sindrom-down-ditinggalkan-di-hospital-ibu-kandung-hilangkan-diri/		
5.	<p>Kanak-Kanak 10 Tahun Pandu Kereta, Akibatkan Kemalangan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-10-tahun-pandu-kereta-akibatkan-kemalangan-486505</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2337017</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1130531/kanak-kanak-10-tahun-pandu-kereta-terbabit-kemalangan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683921/berita/semas-a/budak-10-tahun-pandu-kereta-keluarga-bawa-anak-jiran</p> <p>https://selangorkini.my/2024/09/kanak-kanak-lelaki-10-tahun-pandu-kereta-terlibat-kemalangan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-10-tahun-pandu-kereta-dengan-rakan-terbabas/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6	<p>Jurugambar Dipenjara 24 Tahun Rakam Kanak-Kanak Makan Pisang, Roti Panjang</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/04/jurugambar-dipenjara-24-tahun-rakam-kanak-kanak-makan-pisang-roti-panjang/#google_vignette</p>	Kosmo	Neutral
7	<p>Wanita Ditahan Disyaki Dera Anak, Teman Lelaki Diburu</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1130545/wanita-ditahan-disyaki-dera-anak-teman-lelaki-diburu</p>	Harian Metro	Neutral
8	<p>Mayat Warga Emas Berdarah Dalam Kereta</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/04/mayat-warga-emas-berdarah-dalam-kereta/</p>	Kosmo	Neutral

	https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/04/warga-emas-meninggal-dunia-dalam-kereta https://beritasabah.com/warga-emas-meninggal-dunia-dalam-kereta/	Utusan Borneo Berita Sabah	
9	Akibat Terpedaya Skim Pelaburan Palsu, Pesara Jururawat Rugi Lebih RM1.09 Juta https://www.buletintv3.my/nasional/akibat-terpedaya-skim-pelaburan-palsu-pesara-jururawat-rugi-lebih-rm1-09-juta/ https://wartaoriental.com/2024/09/04/pesara-jururawat-rugi-rm1-9-juta-akibat-terpedaya-pelaburan/	Buletin TV3 Warta Oriental	Neutral
10	Lorry Driver Charged With Physical Sexual Assault On Daughter https://thesun.my/local-news/lorry-driver-charged-with-physical-sexual-assault-on-daughter-CM12962077	The Sun	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

BELANJAWAN 2025: KPWKM CADANG BANTUAN KEPADA IBU TUNGGAL TUNTUT NAFKAH DI MAHKAMAH



Nancy berkata ia antara perkara diharapkan kementerian selepas sesi libat urus dengan pihak berkepentingan yang meminta bantuan bagi ibu tunggal kurang berkemampuan untuk melalui proses menuntut hak mereka di mahkamah. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengemukakan cadangan berhubung bantuan kepada ibu tunggal untuk menuntut nafkah daripada bekas suami di mahkamah dalam Belanjawan 2025.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata ia antara perkara diharapkan kementerian selepas sesi libat urus dengan pihak berkepentingan yang meminta bantuan bagi ibu tunggal kurang berkemampuan untuk melalui proses menuntut hak mereka di mahkamah.

"Kami masukkan itu dalam belanjawan KPWKM supaya dapat membantu ibu tunggal yang terkesan kerana ada dalam kalangan mereka tidak bekerja. Bagaimana mereka nak turun naik mahkamah, jadi kita cuba membantu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM@WPKL di sini hari ini.

Selain itu, Nancy berkata sektor penjagaan warga emas juga antara tumpuan utama kementeriannya bagi Belanjawan 2025 terutama sebagai persediaan Malaysia yang dijangka mencapai status negara tua menjelang 2030.

Beliau berkata KPWKM turut mencadangkan pembentukan pusat melatih ibu bapa yang mempunyai anak autistik bagi membantu mereka memahami dan menjaga anak-anak istimewa dengan lebih baik.

Nancy berkata trend kelahiran di negara ini yang semakin menurun turut mendapat perhatian KPWKM dalam Belanjawan 2025 dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan menggiatkan program kesihatan bagi menggalakkan pasangan mendapatkan anak.

Hasil libat urus dengan Persatuan Penyakit Jarang Jumpa Malaysia, beliau berkata KPWKM bercadang memasukkan bantuan kepada golongan berkenaan bagi meringankan beban mereka.

Dalam Belanjawan 2024, KPWKM diperuntukkan RM3.52 bilion merangkumi RM3.25 bilion perbelanjaan mengurus dan RM265 juta perbelanjaan pembangunan.

Daripada jumlah itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima peruntukan RM2.4 bilion untuk disalurkan kepada lebih 450,000 rakyat khususnya isi rumah yang berpendapatan rendah, warga emas, kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU).

BERSAMA JAGA KESELAMATAN GOLONGAN RENTAN: NANCY



Nancy (tengah) menunjukkan buku Program Direktori CBO di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang hari ini. Turut serta Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (dua, kiri), Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff (dua, kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM Wan Noraida Wan Mohd Zain (kiri). - *Gambar BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Komuniti setempat perlu menjadi 'mata dan telinga' Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam menjaga keselamatan golongan rentan, khususnya kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan mangsa keganasan rumah tangga.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan itu daripada isu pengabaian, penderaan dan keganasan menjadi tanggungjawab bersama semua pihak, khususnya komuniti setempat.

"KPWKM, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan penting sebagai barisan hadapan kerajaan dalam membangunkan masyarakat yang sejahtera, berdikari dan berbudaya penyayang.

"Kita tidak boleh memikul tanggungjawab ini sendiri. Itu sebabnya kita ingin mendekati masyarakat kerana mereka lebih tahu apa berlaku dalam komuniti setempat mereka," katanya semasa melancarkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM@WPKL di sini hari ini.

Menyentuh mengenai direktori CBO, Nancy berkata ia panduan kepada anggota masyarakat yang memerlukan sokongan atau bantuan ahli CBO terdiri pelbagai jawatankuasa dan sukarelawan kebajikan termasuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan ahli komuniti.

Beliau berkata CBO juga bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli komuniti di Kuala Lumpur supaya dapat menjadi rakan strategik dalam membantu kumpulan yang memerlukan serta memberi sokongan sosial kepada masyarakat setempat.

Dalam pada itu, Nancy berkata JKM telah menyalurkan bantuan kepada 541,832 penerima yang layak hingga Julai lepas melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion.

Selain itu, terdapat 160 pusat PAWE di seluruh negara dengan tambahan 33 pusat baharu tahun ini dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 55,835 orang.

Bagi komuniti OKU pula, Nancy berkata terdapat 569 PPDK dilaksanakan di seluruh negara melibatkan seramai 567 penyelaras dan 2,786 petugas yang memberikan manfaat kepada 19,415 peserta. -- BERNAMA

DI MANAKAH IBUKU?



Johor Bahru: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengesan ibu kandung seorang bayi lelaki berusia empat minggu menghidap sindrom down dan menderita komplikasi buah pinggang yang ditinggalkan di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru, Norhafizah Ahmad berkata, bayi lelaki berkenaan yang dikenali sebagai Athar Jazmi kini bergantung kepada mesin oksigen bagi membantu pernafasan.

Beliau berkata, kali terakhir ibu kandung bayi berkenaan mengunjunginya adalah pada 27 Ogos lalu sebelum menghilangkan diri.

Menurutnya, wanita warga asing berusia 42 tahun dipercayai menghilangkan diri selepas perbuatannya memalsukan dokumen pengenalan diri terbongkar dan dipercayai kluatir dikenakan tindakan undang-undang.

Katanya, wanita berkenaan dipercayai berasal dari Filipina menggunakan kad pengenalan milik individu lain (warga tempatan) ketika mendaftar anaknya di hospital.

"Kami menerima rujukan daripada Jabatan Kerja Sosial Perubatan, HSI pada 27 Ogos lalu berikutan ibu kandung bayi didapati gagal mendaftarkan kelahiran anaknya selain menggunakan dokumen pengenalan milik individu lain bagi tujuan pendaftaran mendapatkan rawatan.

"Bayi berkenaan memiliki masalah kesihatan yang kronik seperti masalah buah pinggang, kesukaran bernafas selain mengalami Sindrom Down.

"Siasatan awal pihak hospital mendapati ibu kandung turut memiliki empat cahaya mata selain masih belum mendaftarkan kelahiran mereka.

"Pihak hospital membuat laporan polis pada 27 Ogos lalu," katanya menerusi siaran media hari ini.

Norhafizah berkata, ibu kandung dan ahli keluarga bayi itu didapati menghilangkan diri ketika polis ke rumah ibu kandung bayi itu di Flat Tasek, Bandar Seri Alam pada 28 Ogos lalu.

Menurutnya, JKM turut melakukan siasatan ke rumah pada 29 Ogos 2024 dan mendapati rumah terbabit tidak berpenghuni.

"Sehingga kini ibu kandungnya tidak dapat dihubungi dan JKM masih menjalankan usaha mencari wanita itu berikutan kelahiran bayi berkenaan perlu didaftarkan," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh berhubung dengan Pelindung JKM Daerah Johor Bahru Jamalluddin Hassan di talian 07-2232606 atau 07-2232607.

KANAK-KANAK 10 TAHUN PANDU KERETA, AKIBATKAN KEMALANGAN



Seorang kanak-kanak lelaki di sini dikesan memandu sebuah kereta milik ibu bapanya sehingga mengakibatkan kemalangan dengan dua kenderaan lain di Jalan Arowana 2, Taman Arowana Impian semalam. - Foto ihsan polis

SEREMBAN: Seorang kanak-kanak lelaki di sini dikesan memandu sebuah kereta milik ibu bapanya sehingga mengakibatkan kemalangan dengan dua kenderaan lain di Jalan Arowana 2, Taman Arowana Impian di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Seremban ACP Mohamad Hatta Che Din berkata dalam kejadian kira-kira 9.30 malam itu, kanak-kanak berusia 10 tahun itu memandu kereta jenis Toyota Corolla bersama penumpang yang juga jirannya berusia sembilan tahun.

"Siasatan awal mendapati mereka dari arah pangsapuri Arowana Impian ke Taman Arowana Impian dan sebaik sampai ke lokasi kejadian, kereta dipandu kanak-kanak itu terbabas ketika melalui selekoh sebelum merempuh sebuah van yang diparkir di bahu jalan.

"Akibat pelanggaran tersebut, van itu kemudian menggelongsor ke hadapan dan melanggar kereta Perodua Kancil yang diparkir di hadapan van tersebut," katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Mohamad Hatta berkata bagaimanapun, kedua-dua kanak-kanak tersebut tidak mengalami sebarang kecederaan.

Beliau berkata tindakan tegas akan diambil kepada pemandu yang melakukan kesalahan, dan jika pemandu itu adalah kanak-kanak, maka ibu bapa atau penjaga mereka juga akan turut dikenakan tindakan tegas.

"Sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu boleh menghubungi Pegawai Penyiasat kes di talian 016-4830853 atau balai berhampiran untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 39(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 111 akta sama, Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 dan Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001.